

# EAEC: berbau

B.H 1 50 OCT 1992

(P) *trip overseas*

Daripada Ahmad Tajuddin Baharuddin

HONG KONG, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan negara-negara Asia Timur bertindak balas terhadap Amerika Syarikat kerana menghalang pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri berkata, tentangan Amerika Syarikat terhadap penubuhan EAEC mungkin mencetuskan perasaan tidak senang di kalangan rakan-rakan negara itu di Asia Timur.

"Cakap-cakap mengenai imperialisme, neokolonialisme dan penaklukan kuasa besar mula didengar di seminar dan benakel di seluruh Asia Timur. Semua ini tidak harus berlaku.

"EAEC dalam apa bentuk sekalipun tidak dapat dielakkan. Kita hanya perlu melihat perangkaian" perdagangan antara rantau Asia Timur untuk menyedarinya. Asia Timur sebagai rantau ekonomi adalah satu kenyataan," katanya.

Berucap dalam jamuan tengah hari di Kelab Wartawan Asing di sini, Dr Mahathir berkata tentangan AS terhadap EAEC bukan sahaja menunjukkan sikap 'pilih kasih' negara itu, malah amalan 'perkauman' kerana ia bertegas mahu menjadi anggota EAEC.

Bagaimanapun, katanya, Amerika Syarikat kini terbabit dengan penubuhan blok perdagangannya sendiri, Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

"Tidak seperti EAEC, Nafta jelas satu pertubuhan berbentuk perlindungan. Di segi definisinya, Nafta akan memberi keutamaan kepada anggotanya, manakala EAEC membiarkan anggotanya menjalankan perdagangan bebas," katanya.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat mungkin bimbang mengenai penguasaan Jepun dengan disokong kekuatan ekonomi negara Asia Timur.

"Amerika Syarikat mungkin masih mengamalkan sikap menyekat bakal pesaing, tetapi jika ini benar, ia amat menduka-

itakan," katanya.

Beliau berkata, China dan Korea serta negara Asean tidak akan membenarkan Jepun mengambil funasi utama.

"Tidak akan ada satu kuasa utama dalam EAEC. Jepun akan menjadi kuat seperti Jepun sekarang dan ia akan menjadi kuat dengan atau tanpa EAEC. China dan Korea yang lebih bimbang mengenai Jepun daripada Amerika Syarikat, akan mengimbangi pengaruh Jepun.

"Dengan membenarkan EAEC mempercepatkan pembangunan China dan Korea, ancaman Jepun dapat dikurangkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, EAEC akan membentuk satu kawasan kemakmuran di rantau ini dan mewujudkan satu pasaran kaya untuk Amerika Syarikat.

Jika EAEC ditubuhkan, kata Perdana Menteri, ia bukan saja akan mengekalkan perdagangan bebas, malah membangunkan ekonomi negara kurang maju di rantau ini.

"Ia akan mewujudkan satu kawasan makmur dari timur laut Asia hingga ke Asia Tenggara," katanya.

Menurut Dr Mahathir, EAEC akan mewujudkan pasaran di kalangan 1.8 bilion rakyat dunia dan ini sudah tentu menjadi satu pasaran kaya bagi Amerika Syarikat.

"Pasaran itu mungkin tidak semaju Nafta, tetapi kuasa membeli 1.8 bilion rakyat, walaupun perkapitanya suku daripada negara Eropah atau Nafta, adalah besar," katanya.

Mengenai pembangunan serantau dalam abad ke-21, Dr Mahathir percaya blok perdagangan serantau akan kekal, sekurang-kurangnya untuk beberapa dekad lagi.

"Rakyat Russia mengambil masa 70 tahun untuk menyedari komunisme dan ekonominya tidak boleh berfungsi. Beberapa dekad akan berlalu sebelum dunia menyedari mengenai keburukan blok perdagangan," katanya.

# Bantahan AS perkauman